

Rujukan : CREAM/BPIP-18/2/42 (4)
Tarikh : 5 Mac 2025

YBrs. Ir. Chong Chew Fan
Presiden
Persatuan Jurutera Perunding Malaysia (ACEM)
Suite 20-9, Level 20, Menara 1MK,
No. 1, Jalan Kiara, Mont Kiara,
50480 Kuala Lumpur

Tuan,

KAJI SELIDIK BERKENAAN PENGURUSAN HOLISTIK SISA BINAAN DI MALAYSIA

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Untuk makluman pihak Tuan, pihak Construction Research Institute of Malaysia (CREAM), sebuah institut penyelidikan di bawah CIDB Malaysia sedang menjalankan satu kaji selidik berkenaan pengurusan holistik sisa binaan di Malaysia. Kaji selidik ini bertujuan untuk mengumpul maklumat dan pandangan daripada pelbagai pihak berkepentingan dalam industri pembinaan bagi memperkukuhkan dasar serta amalan terbaik dalam pengurusan sisa binaan yang mampan di Malaysia.

3. Sehubungan dengan itu, pihak kami ingin memohon kerjasama pihak Tuan untuk membantu dalam membuat hebahan kaji selidik ini kepada pihak yang berkaitan dalam organisasi Tuan. Kaji selidik ini boleh diakses melalui kod QR dan pautan di bawah. Tempoh penyertaan kaji selidik bermula dari 3 Mac 2025 hingga 31 Mac 2025.



Pautan: <https://forms.office.com/r/Dqh7rgFaYV>

4. Untuk makluman Tuan juga, pihak kami turut menyediakan insentif berupakan mata CCD sebanyak 5 mata bagi kontraktor yang berjaya melengkapkan kaji selidik ini. Sebarang pertanyaan, pihak Tuan boleh berhubung dengan En. Ahmad Shahir bin Mohamad di 019-5066545 atau emel ke shahir@cream.my.

Rujukan : CREAM/BPIP-18/2/42 (4)
Tarikh : 5 Mac 2025

KAJI SELIDIK BERKENAAN PENGURUSAN HOLISTIK SISA BINAAN DI MALAYSIA

Kerjasama dan sokongan dari pihak Tuan amatlah kami hargai dan kami dahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.


.....
Ir. Ts. Dr. Hj. MOHD KHAIROLDEN GHANI *Adjunct Professor (UTM)*
Pengurus Kanan (Bahagian Perundingan dan Pemeriksaan)
b.p. Ketua Pegawai Eksekutif